

🌙 S1. KENAPA KITA MESTI MELIHAT ANAK BULAN APABILA HENDAK BERPUASA ATAU BERHARI RAYA?

JAWAPAN:

Ia sebenarnya adalah suruhan agama berdasarkan hadis oleh Nafi' dari Ibnu Umar, Nabi Muhammad SAW pernah bersabda tentang bulan Ramadhan, maka sabdanya:

لا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهَيْلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ عَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ.

*“ Jangan kamu berpuasa kecuali kamu melihat hilal (Ramadhan). Dan janganlah kamu berbuka sebelum kamu melihat hilal ( Syawal ). Apabila kamu tertutup oleh awan, maka hendaklah kamu taqdirkannya.”*

(Riwayat Bukhari (1906), Muslim (1080))

Berdasarkan hadis ini, para ulama fiqh merumuskan bahawa wujud atau tidaknya anak bulan menjadi satu sebab untuk berpuasa dan berhari raya. Jadi sebab itulah bila sampai masa kita hendak berpuasa di bulan Ramadhan dan berhari raya di bulan Syawal dan Zulhijjah kita akan melihat anak bulan.

Satu perkara lagi ialah, para ulama juga menetapkan bahawa hukum melihat anak bulan ini ialah Fardhu Kifayah. Ini bermakna orang yang melihat anak bulan ini sedang menjalankan tanggungjawab besar dan juga akan diganjar pahala besar atas tuntutan Fardhu Kifayah.

(Sumber : 33 Persoalan Tentang Anak Bulan Yang Perlu Anda Tahu)

Semoga Bermanfaat..✎

🌙 S2. APA MAKSUD HILAL? ADAKAH IA SAMA DENGAN ISTILAH ANAK BULAN?

JAWAPAN:

☑️ Ya, betul. Anak bulan dan hilal membawa makna yang sama saja. Cuma hilal itu dalam bahasa Arab, tapi sebenarnya telah pun dimelayukan. Anak bulan pula ialah fasa dan bentuk bulan yang paling nipis dan kurang bercahaya pada peringkat awal yang boleh kita lihat selepas bulan mengalami fasa 'ijtima' yang disebut juga sebagai fasa bulan gelap atau "Newmoon" atau disebut juga dalam bahasa Arab dengan nama 'Muhaq'.

(Sumber : 📖 33 Persoalan Tentang Anak Bulan Yang Perlu Anda Tahu)

🌙 S3. ADAKAH JABATAN MUFTI HANYA MELIHAT ANAK BULAN PADA BULAN RAMADHAN, SYAWAL DAN ZULHIJJAH SAHAJA? BULAN-BULAN LAIN TAK PERLU?

JAWAPAN:

☑️ Sebenarnya pada setiap bulan ada rombongan dari Jabatan Mufti Negeri-negeri bersama wakil dari JAKIM, JUPEM dan IPT yang melihat anak bulan. Malah kadang-kadang turut hadir bersama rombongan dari masjid, sekolah dan masyarakat. Cuma yang rasmi dan yang diumumkan 3 bulan sahaja iaitu Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Mereka yang pergi melihat anak bulan tiap-tiap bulan inilah yang bertanggungjawab menyusun dan menyemak kalendar kita ini agar betul dan tepat dengan peredaran bulan sebenar.

Jadi jawapannya, setiap bulan mereka yang bertanggungjawab ini pergi melihat anak bulan. Cuma ia tidak diumumkan saja kenampakan anak bulan tersebut.

📖 (Sumber : 33 Persoalan Tentang Anak Bulan Yang Perlu Anda Tahu)

☾ S4. Penjelasan Mengenai Penambahan 8 Minit ini Pada Waktu Imsak Bagi Negeri Perak.



**Tambahan 8 Minit Pada Waktu Imsak?**

**Soalan :** Apakah waktu Imsak di dalam Taqwim Ramadan 1441 H yang dikeluarkan oleh MAIPK perlu ditambah 8 minit ?

**Jawapan :** Waktu Imsak di dalam Taqwim Ramadan 1441 H yang dikeluarkan oleh MAIPK, adalah tepat & tidak perlu lagi ditambah 8 minit.

Ini kerana waktu Imsak tersebut telah disusun semula sesuai dengan perubahan parameter 18 darjah di bawah ufuk bagi waktu Subuh yang telah dikuatkuasakan pada 17 Januari 2020 M.

Bagi semakan, tuan-tuan dan puan-puan boleh merujuk juga taqwim Imsak dan Berbuka di laman web Jabatan Mufti Negeri Perak pada pautan yang disertakan dibawah :

Pautan Taqwim : [http://mufti.perak.gov.my/images/Pdf/jadual\\_solat\\_2020/puasa/bukappuasa.jpg](http://mufti.perak.gov.my/images/Pdf/jadual_solat_2020/puasa/bukappuasa.jpg)

Semoga Bermanfaat..

- ☾ S5. Mengapa takwim Hijrah tidak menggunakan matahari sebagai rujukan, bukankah ia lebih jelas dan mudah?

Siri FiqhFalak@Perak 5/1441

جابتن مضتي نكري فيراق دارالرضوان  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

**Mengapa takwim Hijrah tidak menggunakan matahari sebagai rujukan, bukankah ia lebih jelas dan mudah?**

Firman Allah S.W.T :

« يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ »

Bermaksud : “ Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. katakanlah: “(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya Ibadat Haji.”

Pertama, berdasarkan ayat di atas para ulama sepakat menyatakan bahawa wajib bagi umat Islam merujuk peredaran bulan dalam menentukan ibadah.

Kedua, Allah menjadikan peredaran bulan sebagai rujukan taqvim hijrah dan dalam masa yang sama, rujukan dalam persoalan ibadah. Bila soal ibadah, sudah tentu ia bukan soal apa yang kita mahu atau yang kita tidak mahu. Ini kerana ibadah ini hak milik mutlak Allah SWT. Maka kaedahnya pun perlulah kita merujuk kepada dalil-dalil dalam Quran dan Hadis.

Sumber : 33 Persoalan Tentang Anak Bulan \* Gambar Hilal Zulhijjah 1439 H